

Padah tangkap di lokasi larangan

Hm 1/3/2023 Ms: 21

APMM tahan bot nelayan dinaiki lima kru warga tempatan bersama hasil laut sebanyak 200kg

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Georgetown

Padah menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan, bot nelayan bersama lima kru warga tempatan ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Pengarah APMM Pulau Pinang Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, semua nelayan ditahan ketika rondaan Op Pertiwi dan Op Tanjung pada jam 7.55 petang.

Katanya, mereka ditahan pada kedudukan sekitar 6.6 batu nautika barat daya Pulau Kendi, kurang lapan batu nautika dari pantai mengi-

kut syarat sah lesen.

"Bot dikendali tekong dan empat kru warga tempatan berusia antara 38 hingga 63 tahun. Pemeriksaan mendapati bot nelayan tempatan kelas B1 itu berpangkalan di Kuala Kurau, Perak.

"Turut dirampas hasil tangkapan yang dianggarkan seberat 200 kilogram (kg)," katanya dalam kenyataannya, semalam.

Beliau berkata, nelayan terbabit melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan di kawasan tidak dibenarkan mengikut syarat lesen.

"Bot serta semua kru ditahan termasuk 200 kg hasil laut yang dirampas dibawa ke Jeti Limbongan Batu Maung sebelum diserahkan kepada pegawai penyiasat bagi tindakan lanjut," katanya.



KRU bot nelayan yang ditahan APMM.



APMM Pulau Pinang menahan bot serta lima kru warga tempatan di perairan Pulau Kendi di sini, kerana menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan.